

## BAB 5

### PENUTUP

Berdasarkan kepada penemuan-penemuan yang diperoleh, pemikiran orang-orang Melayu telah membentuk satu sistem nilai yang tersendiri yang mempengaruhi sistem sosio budaya dan sosio-ekonomi orang-orang Melayu. Konsep nilai orang-orang Melayu lebih mencakupi sistem nilai yang menjurus kepada nilai agama dan etika masyarakat Melayu yang mempunyai perkaitan rapat dengan pandangan dunia mereka.

Pandangan dunia Melayu terhadap ekonomi mereka telah mencakupi skop keagamaan yang terdiri daripada hukum dan peraturan yang terdapat dalam nilai-nilai sosial masyarakatnya. Pemikiran peniaga-peniaga di kawasan kajian telah diteliti dan dirumus dengan satu kesimpulan penyelidikan yang dapat membantu peniaga-peniaga lain dalam perniagaan yang mereka ceburi.

Berdasarkan kepada konsep iaitu rezeki, berkat dan riba serta malu, pengkaji dapat membuat beberapa rumusan tentang pandangan dunia mereka

dalam aktiviti menjual makanan. Rumusan hasil daripada dapatan penyelidikan adalah seperti yang diperturunkan di bawah.

Peniaga-peniaga Melayu cuba mengikis fahaman konsep rezeki secupak tidak akan jadi segantang, tetapi fahaman ini terus menunjangi pemikiran mereka. Konsep rezeki lebih memberi penekanan kepada nasib seseorang yang dikatakan tidak berubah kerana mengikut ketentuan qada' dan qadar sebagaimana yang tersurat sejak azali kejadian manusia. Perbahasan-perbahasan tentang konsep ini yang menentukan nasib manusia Melayu telah memberi pandangan yang bersifat keterlaluan seperti Parkinson dan Weber yang mengatakan konsep ini adalah penghalang kepada kemajuan orang-orang Melayu. Doktrin dan teori mengenainya adalah daripada seorang tokoh orientalis yang menyokong sistem kapitalis. Dakwaan-dakwaan itu telah terjawab oleh kajian-kajian yang dijalankan oleh pengkaji Melayu seperti Mohd Fauzi Yaacob (1969) yang menyangkal dakwaan tidak berasas ini.

Masyarakat peniaga Melayu kini yang mengalami anjakan paradigma, cukup matang membezakan antara kebolehan dan keesahan konsep ini. Rezeki yang ditentukan adalah suatu yang mesti dicari dan manusia dikehendaki berusaha untuk mengubah nasibnya dengan dalil,

"Tuhan tidak mengubah nasib atau kaum kiranya kaum itu semakin tidak berusaha untuk mengubahnya." ( Al-Raad ,11)

Pendidikan agama yang mendalam dan sempurna menepis segala fahaman lama terhadap konsep ini, rezeki yang sedikit tidak akan bertambah sekiranya ikhtiar, gigih dan usaha tidak dilakukan. Bagi peniaga-peniaga yang ditemui berpendapat bahawa pendidikan agama yang dipelajari dapat memberi

padanan yang cocok terhadap pengertian sebenar konsep rezeki yang diutarakan tanpa mengubah makna atau ungkapan, pengertian yang lebih berkonotasi dengan dalil-dalil Al-Quran dan Al-Hadith, melahirkan persepsi baru yang lebih bermanfaat daripada keburukannya. Pengertian-pengertian yang ditafsirkan oleh orang-orang Melayu terdahulu yang mengharapkan pada takdir, nasib, qada' dan qadar semata-mata dalam semua pekerjaan dan segala sesuatu adalah ketentuan Allah, jelas menunjukkan kecetekan ilmu pengetahuan mahupun agama mereka. Jelasnya konsep ini masih diberi keutamaan dan fungsinya sebagai pendorong kejayaan golongan peniaga Melayu dalam implementasi baru yang memerlukan peniaga-peniaga membuat perubahan seperti merantau dengan menemukan peluang-peluang baru di kawasan perbandaran yang menjanjikan peluang-peluang kerjaya perniagaan yang banyak dan memberi pulangan yang lumayan.. Pedoman dan pemikiran seperti ini hanya berlaku pada orang-orang yang berpendidikan, golongan peniaga yang kurang akan pengetahuan serupa ini sewajarnya tidak akan menemui apa-apa perubahan dan kekal di takuk lama. Para peniaga sependapat bahawa perbuatan yang berserah kepada nasib dan menyalahkan qada' dan qadar adalah suatu muktamad setelah berikhtiar bersetujuan dengan sebuah firman,

"Hendaklah tuntut kampung akhirat dengan (kekayaan) yang diberikan Allah s.w.t. kepadamu dan janganlah engkau lupakan bahagian (nasib) engkau di dunia." (Al-Qasas 28:77)

Pengkaji melihat peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian yang mengalami anjakan paradigma tidak akan menjadikan konsep nasib ini

sebagai penentu nasib rezekinya. Seperti peniaga Cina yang menggunakan konsep diaspora yang sama dengan konsep merantau untuk mencari peluang-peluang baru untuk mengubah nasib mereka. Hal ini telah berlaku terhadap peniaga-peniaga Melayu yang ditemui.

Pengkaji mendapati, peniaga-peniaga Melayu yang mengalami anjakan paradigma, melihat konsep berkat mempunyai dua hala tuju yang menitikberatkan hubungan peniaga dengan Allah s.w.t. (*hablumminallah*) dan satu hubungan lagi ialah hubungan peniaga dengan pekerja dan pelanggan (*hablumminas*-hubungan manusia dengan manusia). Hubungan dua hala ini memberi ruang kepada peniaga-peniaga mengamalkan sistem perniagaan yang dituntut oleh agama, terkandung nilai-nilai agama dan moral. Nilai kejujuran dan ketelusan adalah tunggak kepada kebenaran dalam perniagaan yang merangkumi semua aspek pengurusan. Sistem perniagaan orang-orang Melayu lebih cenderung mendekati sistem ekonomi Islam yang mementingkan kesejahteraan atau keberkatan di mana peniaga-peniaga tidak mementingkan material atau keuntungan semata-mata tetapi mengambil kira hal-hal kebijakan kedua-dua pihak iaitu peniaga dengan pekerja dan peniaga dengan pelanggannya. Mengikut Islam, ketika mencari harta haruslah diperhatikan kepentingan masyarakat. Begitu juga sesudah mempunyai hak milik itu, sebab harta benda itu sebenarnya milik Tuhan dan hanya diberi amanat untuk menyelenggarakannya (Mohd Fauzi Yaacob, 1977:158).

Perbuatan menginfaqkan hasil pencarian ke jalan yang diredhai Allah seperti memberi sedekah dalam bentuk pemberian insentif dalam perniagaan adalah sesuatu yang memberi kegembiraan kepada pekerja-

pekerja setelah penat bekerja dan sama-sama berusaha untuk mengembangkan perniagaan, telah diamalkan dalam perniagaan yang dikaji. Masyarakat peniaga Melayu mengistilahkan pemberian ini sebagai pengeluaran zakat yang diwajibkan oleh Islam. Harta yang diberkati hanya akan diperolehi daripada rezeki yang suci bersih daripada segala amalan yang tidak baik seperti melakukan penindasan (kerahan tenaga terhadap pekerja). Pemberian bonus berdasarkan keuntungan dan mutu kerja dianggap seperti menjadikan pekerja-pekerja sebagai sebahagian daripada 'rakan kongsi' adalah satu usaha untuk meningkatkan prestasi kerja dan nilai keuntungan atau perolehan semasa.

Peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian amat menitik beratkan perbuatan infaq kerana yakin dengan mengeluarkan sedekah atau zakat, rezeki pencarian mereka dalam perniagaan akan bertambah-tambah. Perbuatan menginfaqkan harta ini adalah suatu jalan yang terpuji bagi mencari keberkatan dalam perniagaan yang mereka ceburi. Perbuatan menginfaqkan harta pencarian amat mempengaruhi pandangan dunia Melayu yang bertunjangkan kepada ajaran agama Islam. Kesan-kesan langsung yang dapat dilihat ialah seperti kejayaan membuka cawangan-cawangan lain di luar kawasan dan bertahan lama dalam perniagaan dalam kawasan perbandaran yang serba mencabar. Jelas ternyata bahawa peniaga-peniaga Melayu mengamalkan nilai-nilai keagamaan bagi mempertahankan dan mengembangkan agar lebih maju dan meningkatkan sumber pendapatan bagi menambahkan kekayaan sebagaimana yang dituntut oleh agama Islam.

Peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian didapati lebih berdaya saing dan mampu menghadapi persaingan dari mana-mana pihak kerana sifat malu yang menguasai pemikiran Melayu kini berupaya membuat pertimbangan yang adil. Malu untuk bertanya atau 'malu bertanya sesat jalan' terkena pada masyarakat peniaga sendiri kerana setiap kelemahan peribadi perlu diatasi dengan meminta pendapat dan tunjuk ajar daripada orang yang lebih arif dalam ilmu perniagaannya. Sentimen malu membuatkan peniaga-peniaga berasa akan maruah diri tergugat, jatuh dan dipandang serong apabila mengaku kelemahan diri menyebabkan golongan seperti ini gagal 'meniru' gaya pengurusan perniagaan peniaga lain yang lebih berjaya.

Pengkaji mendapati satu persepsi yang berubah tentang sentimen malu ialah golongan peniaga Melayu yang dikaji selidik melahirkan rasa malunya atau maruahnya tercabar apabila mengalami kerugian dalam perniagaan yang akhirnya memaksa perniagaan ditutup. Golongan peniaga-peniaga Melayu berjaya bertahan selama lebih tujuh tahun di premis mewah adalah disebabkan sifat mereka yang suka merendah diri untuk mendapatkan ilmu perniagaan seperti rajin bertanya, berkongsi pendapat dan belajar dengan serius daripada rakan-rakan peniaga dari bangsa lain terutama bangsa Cina. Di sampingnya pengkaji melihat masyarakat peniaga-peniaga Melayu perlu belajar hal-hal pengurusan wang yang sistematik untuk memaksimumkan keuntungan dan meminimumkan kos kerana mereka ini terdiri daripada golongan yang lemah dalam bidang arithmetic. Modal yang banyak tidak dapat menjamin kestabilan perniagaan, pengurusan wang adalah sama penting dengan keperluan modal. Justeru kelemahan-kelemahan ini perlu di atasi

dengan cara belajar dan menceduk ilmu perniagaan daripada orang yang lebih mahir. Kesemua peniaga sependapat bahawa sikap berdiam diri, cuba menunjukkan kepandaian bukanlah sifat peniaga Melayu yang berjaya.

Peniaga-peniaga Melayu ini mempunyai persepsi yang berbeza, mereka mengendalikan perniagaan dengan minda lebih terbuka terutamanya tentang agihan tugas di premis perniagaan. Pekerja dan majikan adalah pemegang syer dalam perniagaan, kedua-dua pihak sentiasa bekerja kuat, gigih dan berusaha untuk meningkatkan keuntungan kerana gaji dan wang insentif (bonus) bergantung kepada nilai keuntungan yang diperolehi. Pekerja-pekerja yang kebanyakannya terdiri daripada ahli keluarga (tugas penting) adalah orang-orang kepercayaan majikan dan menjadikan perniagaan ini sebagai perusahaan keluarga yang perlu dipertahankan. Setelah temu bual pengkaji dengan pekerja-pekerja kedai makanan ini, kesimpulannya dikatakan bahawa peniaga yang angkuh dengan kedudukannya sebagai majikan dan 'berkira' dengan pekerja tidak akan disenangi sebaliknya majikan yang bersifat sederhana tidak menonjol dengan statusnya lebih disegani akan keperibadiannya. Malahan terdapat peniaga-peniaga yang sedia menerima pandangan daripada pekerja dan pelanggan (aspek kualiti masakan) mereka untuk memperbaiki hal ehwal perniagaannya.

Adalah dinyatakan oleh peniaga-peniaga sendiri bahawa mereka lebih malu sekiranya berurusan dengan ceti kerana ceti akan mengunjungi premis mereka. Kehadiran ceti di premis perniagaan akan menyebabkan pekerja dan pelanggan hilang keyakinan terhadap perniaga tersebut. Pada waktu-waktu tertentu ceti akan memaki hamun peniaga sekiranya wang

mereka tidak dipulangkan tepat pada masanya. Tindakan ceti seperti merampas barang-barang dalam kedai adalah satu reputasi buruk yang sangat memalukan peniaga. Insiden-insiden sedemikian adalah satu perkara yang cuba dihindarkan kerana dapat merosakkan imej dan menjatuhkan maruah peniaga. Dengan wujudnya perasaan malu berhadapan karenah ceti dan pemutang adalah satu usaha terbaik untuk mengelak daripada kejatuhan perniagaan.

Kesimpulannya boleh dikatakan sifat malu telah menjadi benteng atau tembok kepada peniaga-peniaga untuk mengamalkan riba. Mereka lebih mempercayai pada penaung atau rakan kongsi untuk membina sebuah perniagaan yang selamat. Anjakan paradigma yang berlaku dalam konsep malu, banyak membantu peniaga-peniaga Melayu ini ke arah perniagaan yang cemerlang dan beretika. Merendah diri dan membuang sentimen malu sekali gus melontar keegoan Melayu, menjadikan mereka peniaga-peniaga yang berilmu dan mempunyai banyak pengalaman serta pengetahuan dalam perniagaan yang diceburi. Sekiranya sentimen malu ini tidak diubah, seharusnya peniaga-peniaga Melayu ini kekal ditakuk lama, tidak berupaya mengembangkan perniagaan mahupun mempertahankan perniagaan yang sedia ada.

Bagi peniaga-peniaga Melayu yang ditemui beranggapan bahawa larangan terhadap riba adalah bersifat mutlak yang tidak pernah diragui akan kebenaran konsepnya. Sesungguhnya ribalah yang menekan dan menindas masyarakat peniaga Melayu terutama yang bermodal kecil. Konsep riba melalui sistem perbankan konvensional tidak juga dilihat sebagai ancaman

besar tetapi konsep riba yang dianjurkan melalui pinjaman daripada ceti-ceti haram adalah satu musibah atau mala petaka yang perlu dihindari dalam sesebuah perniagaan Melayu. Fahaman terhadap riba tidak pernah luput atau luntur dalam pemikiran masyarakat peniaga Melayu. Riba sebagai perkara terlarang adalah suatu yang sukar dialih persepsinya tentang balasan yang bakal diterima oleh pengamal-pengamalnya kerana dalam Al-Quran dan Al-Hadith yang menjadi sandaran hidup orang-orang Melayu jelas menyatakan keburukan dan kesan keruntuhan yang mendalam sekiranya dilakukan. Sebagaimana dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Abu Muslim menyatakan bahawa,

"Nabi Muhammad s.a.w. menyumpah bukan sahaja orang yang menerima riba, bahkan juga orang yang memberi riba, yang menyiapkan surat perjanjian dan juga yang menjadi saksi."

Malah dalam satu hadith lain menyatakan bahawa riba sebanyak satu dirham adalah tiga puluh enam kali lebih besar dosanya daripada zina.

Konsep riba yang lebih bersifat kapitalistik tidak akan menjanjikan kesejahteraan dalam sesebuah perniagaan. Dasar ketidakseimbangan berupaya memporak-porandakan perniagaan dan kehidupan peniaga (terutama yang terlibat dengan ceti). Lagipun pemodal-pemodal (ceti) yang terlibat dalam institusi riba ini adalah terdiri daripada bangsa lain seperti Cina yang sememangnya ingin melihat perniagaan Melayu ke belakang terpinggir dalam sistem ekonomi moden yang ternyata dapat membangunkan masyarakat Melayu.

Dalam kajian ini didapati masyarakat peniaga Melayu tidak pernah mendakwa akan sistem perbankan sebagai penghalang kemajuan perniagaan

orang-orang Melayu. Riba adalah suatu alternatif yang boleh ditinggalkan atau dilupakan kerana melibatkan permasalahan modal yang dapat diatasi melalui pelbagai kaedah lain seperti penggunaan sistem Mudarabah (dalam sistem perbankan Islam) dengan cara pembiayaan Al-Qard Al-Hassan (pinjaman kebijakan yang dikeluarkan oleh sesuatu pihak kepada pihak yang memerlukan dan peminjam hanya perlu memulangkan sejumlah wang pokok tanpa sebarang bayaran tambahan). Peniaga-peniaga yang dikaji mendapat pembiayaan-pembiayaan seperti ini merupakan satu usaha ikhtiar untuk membantu peniaga-peniaga Melayu yang tidak mempunyai modal yang mencukupi.

Pendekatan terhadap beberapa sistem pembiayaan yang disebutkan tadi, tidak menjadi satu agenda penting dalam perniagaan kerana masyarakat peniaga Melayu, kurang diuar-uarkan sebaliknya sistem perbankan konvensional serata-rata tempoh dan tempat dikenakan kerana keuntungan yang maksimum dengan kadar kos yang minimum (bunga yang berganda mele过i jumlah pokok yang diberikan). Implikasi terhadap amalan riba memberi impak negatif, tidak membantu para peniaga malahan mencetus propaganda kepada peniaga-peniaga kecil seperti yang terdapat dalam kajian. Pemikiran sebegini perlu dipertahankan bagi mengelakkan fahaman kapitalis dan agen-agennya memusnahkan sistem perniagaan Melayu yang mula bertunas secara Islamik dan memerlukan sokongan daripada semua pihak terutama institusi kewangan.

Pandangan dunia peniaga Melayu terhadap konsep riba ternyata tidak pernah berubah kerana orang-orang Melayu kuat mempertahankan

ajaran Islam yang menjadi teras kehidupan mereka. Perasaan takut akan balasan yang bakal diterima sama ada di dunia dan di akhirat adalah satu faktor penting yang menjadikan konsep ini sebagai paksi perniagaan Melayu. Kesan dan pengaruhnya boleh memberi jaminan terhadap sesebuah perniagaan yang baik, sempurna terutama dari aspek keadilan sosio-ekonominya.

Peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian telah menjadikan konsep malu sebagai satu tembok yang menghalang mereka daripada terjerumus dalam kancah riba. Amalan-amalan riba yang dikaitkan dengan sistem pinjaman wang, menakutkan mereka dan dibimbangi memudaratkan mereka sekiranya gagal melangsaihan hutang beserta bunga yang dikenakan. Penaung dan rakan kongsi merupakan cara paling baik untuk menghindari dari mengamalkan konsep riba dalam perniagaan yang diceburi.

Hasil kajian dan penyelidikan ini, pengkaji telah menemukan beberapa dapatan sampingan mengenai perniagaan menjual makanan di kalangan peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian. Antaranya ialah :

Bidang perniagaan yang diceburi oleh orang-orang Melayu di kawasan perbandaran seperti di USJ Subang Jaya, menampakkan beberapa kesamaan konsep perniagaan yang diceburi oleh masyarakat peniaga Cina. Permuafakatan seperti perbincangan dalam perniagaan boleh berlaku setelah peniaga-peniaga Melayu ini mendapat kesedaran untuk mengembangkan sayap perniagaan dengan meniru kaedah perniagaan orang-orang Cina (mungkin juga bangsa-bangsa lain). Perniagaan Melayu lebih berasaskan keuntungan jangka pendek, perolehan pendapatan atau pun keuntungan adalah untuk sara hidup

sekeluarga bukannya dijadikan sebagai satu karier yang menjamin masa depan, malahan dijadikan sebagai kegiatan sampingan kepada kerja-kerja yang lebih penting. Menurut Wan Abdul Kadir Yusof "Berasaskan kepada tradisi budaya Melayu, bermiaga tidak dapat membawa perubahan yang ketara kepada kedudukan sosial dan ekonomi" (1997: 101)

Kenyataan ini menjelaskan orang-orang Melayu dahulu tidak mempunyai visi dalam perniagaan kerana melihat aktiviti ini tidak akan menjadikan masyarakat Melayu maju lagipun pada tanggapan mereka, bangsa-bangsa lain lebih berkebolehan, manakala peniaga-peniaga Melayu sekadar bermiaga untuk sara hidup harian sahaja. Pengkaji mendapati sikap sebegini tidak lagi wujud dalam pemikiran peniaga-peniaga Melayu perbandaran Subang Jaya, mereka yakin dengan pekerjaan sebagai peniaga menjual makanan boleh mengubah nasib, rezeki dan status sekiranya terima pakai pemikiran peniaga-peniaga yang berjaya seperti masyarakat peniaga Cina. Malahan kesemua peniaga yang dikaji menjadikan bidang ini sebagai kerjaya mereka bukannya sekadar melepaskan batuk di tangga.

Daripada kajian ini didapati bahawa pandangan dunia orang Melayu terhadap perniagaan mulai berubah, di mana sektor perniagaan dilihat semakin memberi peluang kepada orang-orang Melayu untuk menjadi golongan atasan dengan berpendapatan tinggi. Arah aliran pemikiran Melayu kian menyedari bahawa penyertaan mereka dalam ekonomi moden seperti perniagaan dapat mengukuhkan kedudukan sosial mereka. Peniaga-peniaga di kawasan kajian cukup terperinci mengamati perlakuan dan gaya pengurusan

orang-orang Cina (rakan niaga setempat). Kebanyakan mereka tertarik dengan pengurusan kewangan perniagaan orang-orang Cina yang dikatakan jimat, bermanfaat dan meningkat. Ciri-ciri kesamaan dikatakan sebagai pengaruh persekitaran dan rakan seperniagaan.

Masyarakat peniaga Melayu di kawasan kajian ini telah mula meniru cara masyarakat peniaga Cina dengan menanam impian iaitu yang menanam cita-cita, ia lebih menitikberatkan tentang cita-cita seseorang peniaga terhadap perniagaannya. Aktiviti perniagaan yang tidak disusuli oleh sebarang cita-cita atau hala tuju tidak akan berkembang dan berjaya. Impian dan harapan bermaksud seseorang itu perlu sanggup bertindak menghadapi segala cabaran, rintangan dan halangan yang mendarat bagi mencapai cita-cita. Tiada jalan mudah untuk mencapai keuntungan dengan menceburkan diri dalam bidang perniagaan. Perniagaan diibaratkan seperti sebuah dunia yang penuh dengan ketidakpastian, jangkaan yang tidak terduga dan sukar diramal.

Pengkaji mendapati terdapatnya peniaga-peniaga Melayu yang menyamai peniaga-peniaga Cina berjiwa besar amat yakin dengan keupayaan mereka, oleh itu impian dan harapan untuk memperbesarkan perniagaan perlu direalitikan dengan melakukan anjakan paradigma pada sikap dan tindakan. Teladan-teladan seperti ini diambil oleh peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian yang kesemuanya mempunyai impian untuk mengembangkan perniagaan dan sudah ada peniaga-peniaga ini yang mencapai impiannya dengan membuka cawangan di luar kawasan. Merealitikan impian dan harapan adalah tanggungjawab yang besar, memerlukan kesungguhan dan berani menghadapi segala dugaan dalam perniagaan. Peniaga-peniaga

Melayu yang tidak mempunyai sebarang impian dan harapan kekal berada di takuk lama atau berada pada kedudukan yang statik tanpa sebarang perubahan yang memberangsangkan.

Bagi peniaga-peniaga Melayu yang dikaji, dengan adanya konsep impian ini adalah suatu matlamat untuk mencapai apa yang diinginkan. Proses untuk merealisasikan impian ini memakan masa, mengikut cara, kaedah dan bagaimana seseorang peniaga itu melakukannya. Peniaga-peniaga yang mempunyai impian ini akan membuat persediaan dan mula menjalankan perniagaan dengan berjimat cermat, tahan menanggung risiko dan sabar dalam menjalani pengurusan perniagaan. Peniaga-peniaga Melayu juga perlu selangkah demi selangkah menapak untuk mengembangkan perniagaan agar tidak membawa padah, biarlah 'merangkak dahulu, kemudian berlari' agar impian yang dikehendaki dapat dicapai dan perniagaan yang sedia ada tidak kecinciran. Sesetengah peniaga yang besar impiannya mudah lupa akan beberapa perkara seperti pengetahuan dan pengalaman yang perlu dipelajari dan memakan masa, akan menyebabkan impian mereka gagal dipenuhi. Jika dipenuhi pun tidak akan berpanjangan mungkin mengalami kejatuhan dalam masa yang singkat. Sikap tamak yang keterlaluan dalam mengejar kejayaan dalam perniagaan juga tidak dapat merealisasikan sebarang impian.

Terdapat dua orang peniaga Melayu yang di kawasan, didapati oleh engkaji mempunyai pengaruh dari peniaga-peniaga Cina yang mempercayai kuasa ang dalam sistem perniagaan mereka. Dengan konsep wang yang memberikan kuasa, mereka akan sentiasa berikhtiar untuk menggandakan wang mereka supaya berkembang atau bertambah banyak dari masa ke semasa. Justeru peniaga-peniaga

i akan membuat pelaburan, dengan beranggapan bahawa wang membiakkan wang. orang Cina percaya wang hanya boleh membiakkan wang kalau digunakan atau ilaburkan semula. Wang tidak bertambah kalau digunakan untuk membeli aset emasa seperti kelengkapan rumah.

Pengkaji berpendapat konsep ini telah mendapat perhatian peniaga-peniaga Melayu secara langsungnya empat daripada lima kes yang diperturunkan telah membuat pelaburan semula hasil daripada keuntungan perniagaan asal. Pertambahan modal pusingan hasil daripada modal asal telah diuruskan dengan cermat, tidak galak menonjolkan status mewah untuk mendapatkan imej baru sebagai usahawan atau bergaya dengan pakaian mewah sehingga berlakunya pembaziran di tempat yang tidak sewajarnya. Peniaga-peniaga Melayu ini kekai dalam kesederhanaannya, membolehkan mereka berjaya membina rangkaian-rangkaianya sendiri tanpa dibantu oleh sebarang institusi kewangan. Peniaga-peniaga Melayu mula mencontohi peniaga-peniaga Cina dengan tabiat pengurusan modal dan berani melabur untuk menggandakan wang keuntungan tadi. Anjakan paradigma sebegini amat perlu untuk menempa kejayaan dalam perniagaan di mana aliran wang ke saluran yang betul, memangkinkan perniagaan dan akhirnya perniagaan itu berkembang dan membesar sehingga membentuk suatu rangkaian cawangan kedai yang maritap.

Konsep dan idea sebegini adalah satu langkah bijak bagi peniaga-peniaga Melayu yang tidak mempunyai modal yang banyak untuk mengembangkan perniagaan mereka. Sifat jimat cermat dan mempunyai impian untuk mengembangkan perniagaan (melalui pelaburan semula) dan

keyakinan adalah di antara faktor-faktor kejayaan seseorang peniaga kecil seperti yang diceburi oleh peniaga-peniaga Melayu. Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohammad dalam ucapannya di Perhimpunan Agung UMNO 2000 mengatakan bahawa, ramai bumiputra tidak berminat untuk menceburkan diri dalam perniagaan runcit serta mengeluarkan modal untuk memperbesarkan perniagaan mereka sedangkan perniagaan inilah yang boleh meningkatkan kedudukan dan kelas sosial mereka dari peringkat rendah kepada peringkat menengah. Jelas daripada pernyataan ini, pelaburan semula wang (wang membiakkan modal) adalah satu cara untuk mengubah kedudukan (nasib) namun memerlukan daya ketahanan fizikal dan mental seperti berani menanggung risiko sebelum berada di kedudukan yang betul-betul selesa. Tun Mahathir Mohammad juga meminta masyarakat peniaga Melayu meniru sikap orang-orang Cina dalam perniagaan. Katanya,

"Kemahiran perniagaan Cina dapat dilihat dari banyak segi. Asasnya ialah sikap semulajadi orang Cina yang suka berjimat-cermat. Ini telah membolehkan mereka membuat simpanan dan membesarakan perniagaan mereka berdasarkan dari keuntungan yang minimum." (1997:132)

Amalan-amalan daripada perniagaan Cina ini sungguhpun mula dikenali dan dipraktikkan oleh peniaga-peniaga Cina, tetapi kini mula menular dalam pemikiran peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian. Impian dan harapan perlu ditanam dalam jiwa serta pemikiran seseorang peniaga sehingga sebatи dan menjadi refleksi semulajadi yang dapat menggerakkan seseorang untuk berusaha tanpa mengenal jemu serta putus asa (Haslina Hassan, 2000:13). Wang membiakkan wang atau pelaburan semula keuntungan terkumpul adalah jalan terbaik menuju kekayaan. Persepsi tentang kekayaan yang menjadi 'daki' dunia bukan lagi tersenarai dalam pemikiran

peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian, kerana pada hakikatnya orang-orang Islam mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan orang-orang Cina. Agama Islam amat menggalakkan penganutnya untuk bermula (pekerjaan mulia yang membolehkan seseorang mendapat kecerdikan). Sudut perspektif Islam, segala urusan perniagaan adalah suatu ibadat yang membolehkan seseorang itu mendapat pahala sekiranya dilakukan mengikut lunas-lunas agama yang betul.

Peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian yang berfikiran matang dan berinovasi mengalami proses anjakan paradigma yang efektif setara dengan perkembangan dan pembangunan di sekitarnya. Keperluan-keperluan untuk mengubah nasib dan rezeki adalah tunggak segala perubahan minda dan perlakuan. Atas keperluan-keperluan tersebut peniaga-peniaga Melayu dikehendaki belajar 'meniru' sistem perniagaan bangsa lain, walaupun proses peniruan ini adalah secara tidak disedari namun interaksi sosial yang berlaku antara kedua-dua peniaga (Cina, Melayu) adalah sebahagian daripada peniruan dan pembelajaran yang diperolehi. Kedua-dua konsep ini perlu ditanam dalam pemikiran peniaga-peniaga Melayu lain agar jurang ekonomi yang ada kini dapat dirapatkan bahkan membantu masyarakat peniaga-peniaga Melayu membentuk sistem perniagaan sendiri yang lebih efisyen dan memenuhi peluang-peluang perniagaan yang ditawarkan oleh kerajaan, di samping beberapa usaha yang dilakukan.

Peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian adalah terdiri daripada golongan yang mempunyai taraf pendidikan yang sederhana baik dari segi pengajian akademik maupun pendidikan agama. Taraf pendidikan yang baik

banyak membantu kejayaan seseorang peniaga. Pendidikan adalah penting dalam bidang perniagaan biarpun sekecil mana saiz perniagaannya. Pendidikan yang dimaksudkan atau dibincangkan bukan sahaja meliputi bidang akademik semata bahkan merangkumi aspek pendidikan dan pengetahuan tentang ilmu perniagaan. Peniaga-peniaga yang mempunyai asas pendidikan yang baik dapat menggunakan kemahiran untuk mengira dan mencongak untung rugi malahan dapat membuat buku akaun (keluar masuk wang pendapatan dan perbelanjaan) tanpa mengerah bulat-bulat kepada pekerja. Ilmu pengetahuan seperti ini dapat membantu peniaga mengetahui kedudukan kewangannya dalam kadar segera untuk tindakan selanjutnya. Kiraan wang keluar masuk dapat diuruskan dengan bijak akan membolehkan peniaga melaksanakan pengurusan kewangan dengan lebih sistematik. Pengurusan kewangan yang dijalankan tanpa rekod yang teratur, tepat dan terkini boleh menyebabkan peniaga kehilangan modal dan susah untuk meningkatkan wang modal pusingan. Perhitungan perbelanjaan dan pendapatan yang mempunyai catatan akan membuatkan peniaga tahu akan status perniagaannya dan membantunya untuk mencapai impian. Rahsia perniagaan orang-orang Cina adalah sempoa' iaitu alat menghitung yang ringkas dan cepat, banyak membantu sistem perniagaan mereka.

Kecetekan ilmu peniagaan seperti pengurusan kewangan dan pengurusan restoran dapat diatasi dengan mempelajarinya. Pembelajaran yang didapati daripada pertanyaan dan perbincangan dari semasa ke semasa adalah satu kemestian bagi setiap peniaga kerana melalui proses pembelajaran ini, idea-idea baru untuk memperbaiki kedudukan dan

menyelesaikan masalah yang timbul. Peniaga-peniaga Melayu yang rajin menceduk ilmu pengetahuan, berkongsi masalah dan menambahkan kemahiran dengan mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan adalah jalan terbaik untuk mengekalkan dan mengembangkan perniagaan. Sebagaimana pendapat Wan Abdul Kadir Yusuf bahawa,

"Perniagaan kini dalam ruang aktiviti yang amat luas memerlukan orang yang berpendidikan tinggi dan berkebolehan dalam melakukan pengurusan secara besar-besaran." (1997:103)

Pendidikan agama dan sekular juga telah membolehkan masyarakat peniaga Melayu mengalami anjakan paradigma dan pandangan dunia mereka terhadap konsep-konsep tradisi yang diutarakan dalam kajian ini. Konsep rezeki, berkat, riba dan malu diberi persepsi baru mengikut aliran kemajuan masyarakat hari ini. Pendidikan yang diperolehi dan pemodenan yang dialami banyak memberi rasional terhadap konsep-konsep tersebut mengikut kesesuaian masa, persekitaran dan jenis masyarakat yang dihadapi. Rasional atau kewajaran dalam pemikiran peniaga-peniaga Melayu terletak pada ketajaman akal yang melalui proses pendidikan yang sempurna. Konsep-konsep rezeki, berkat, riba dan malu bukan lagi sebagai faktor penghalang sebaliknya dijadikan sebagai satu titik tolak penting yang mendasari perniagaan. Konsep rezeki 'secupak tidak jadi segantang' diberi kewajaran bahawa nasib seseorang perlu berubah sekiranya mereka sendiri tidak mengubahnya. Usaha dan ikhtiar dilakukan satu persatu untuk terus maju ke depan kerana nasib akan berubah jika usaha digandakan. Fahaman terhadap konsep ini terlalu kritis, sukar diberi maksud yang tepat dan membina kerana orang-orang Melayu amat berpegang pada adat budayanya namun

berbekalkan pendidikan, kaum Melayu hari ini berupaya membuat pertimbangan yang wajar. Pandangan dunia terhadap konsep ini berubah dari pola negatif yang meracuni penilaian Melayu pada satu falsafah yang menerangkan kekuatan jati Melayu yang tidak mudah menyerah kalah (menyerah pada nasib semata-mata). Fahaman baru terhadap konsep rezeki tidaklah bermakna peniaga-peniaga Melayu melupai akar umbi budayanya tetapi sebagai memperbaharui nilai sosio-budaya yang ternyata tidak salah sama sekali dengan mana-mana adat, sistem peradaban dan lingkaran agamanya.

Kecenderungan terhadap pendidikan agama banyak mempengaruhi dan kesan yang ketara dalam sistem perniagaan yang diceburi oleh peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian. Perbahasan tentang konsep rezeki, berkat, riba dan malu dilihat dari perspektif ajaran agama Islam yang ideal tanpa sebarang keraguan yang menggugat keyakinan mereka. Kepercayaan kepada qada' dan qadar sama sekali tidak melemahkan semangat mereka kerana kekuatan akal dan keupayaan berfikir secara aqaliah mengatasi fahaman yang sipi lagi cetek. Qada' dan qadar adalah semata-mata gambaran yang benar-benar mengikut kejadian itu berlaku dan bukannya menjadi faktor yang menyebabkan ia berlaku.

Pengetahuan dan pendidikan agama banyak membantu peniaga-peniaga Melayu di sini menjalankan perniagaan dengan cara yang dianjurkan oleh agama Islam. Perniagaan yang dijalankan oleh orang-orang Melayu lebih cenderung untuk mendapatkan *mardhatillah* atau keredhaan Allah s.w.t. Perlakuan ini dapat dilihat apabila peniaga-peniaga Melayu amat

mementingkan aspek keberkatan dalam rezeki yang diperolehi daripada keuntungan perniagaan. Cara mendapat keredhaan ini termasuklah sifat amanah terhadap pelanggan seperti tidak mengenakan caj yang tinggi atau menyediakan bahan mentah yang tidak berkualiti dan meninggikan harga bagi keuntungan yang berganda. Penipuan dalam perniagaan amatlah tidak digalakkan dan tidak akan diberkati. Perniaga-peniaga juga melakukan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran, selawat ke atas nabi semata-mata untuk mendapatkan keberkatan dan diredhai Allah s.w.t. Walaupun perbuatan ini adalah perlakuan secara ritual tetapi dipercayai dapat memberikan keredhaan dan keberkatan terhadap perniagaan.

Penolakan terhadap sistem riba lebih membuktikan bahawa peniaga-peniaga Melayu kukuh pegangan agamanya. Namun dengan pendidikan yang dilalui mereka, pelbagai alternatif dapat dipilih kerana amalan riba bukanlah suatu yang menjadi teras perniagaan dalam aktiviti ekonomi moden atau faktor penentu kejayaan sebagaimana dakwaan orientalis barat. Konsep riba difahami sebagai perkara yang membawa kepada kemudaratian kerana mengandungi ciri-ciri penindasan yang membinasakan perniagaan itu sendiri. Rupa bentuk penindasan yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar dan dirasai dalam jangkamasa pendek telah diujarkan berkali-kali dalam Al-Quran dan Al-Hadith yang sewajibnya diyakini. Dengan ilmu agama, perasaan takut hilang keberkatan akibat riba, mendorong peniaga-peniaga supaya berjimat-cermat dan mencari peluang-peluang perniagaan mengikut kemampuan mereka. Tambahan lagi Islam amat menggesa umatnya agar berusaha, berikhtiar, tidak boleh berputus asa dan tidak boros.

Dengan adanya pendidikan agama, peniaga-peniaga Melayu kini dapat mengimbangi antara keperluan duniawi dengan kedudukan di akhirat secara rasional dan bijaksana. Berteraskan agama Islam sebagai ad-din, manusia dituntut untuk memenuhi kedua-duanya (bahagian dunia dengan kehidupan yang sempurna dan bahagian akhirat dengan kehidupan yang hakiki). Dalam kajian ini juga didapati peniaga-peniaga Melayu banyak mengamalkan nilai-nilai yang dituntut oleh agama seakan-akan sama dengan perniagaan berkonsepkan ekonomi Islam yang mengutamakan kebaikan bersama dengan mengharapkan keberkatan Allah s.w.t. ke atas rezeki yang diperolehi. Pengetahuan dan pendidikan dilihat sebagai aspek yang begitu penting mempengaruhi pemikiran peniaga-peniaga Melayu ke arah sistem ekonomi terarah dan bermatlamat. Tanpa pengetahuan ilmu dan pendidikan agama, membuatkan peniaga-peniaga Melayu terus berpanjangan membuat tafsiran yang tidak betul terhadap konsep-konsep yang dianjurkan. Perbuatan seperti ini akan terus memundurkan bangsa Melayu kerana belum mengalami anjakan paradigma yang diperlukan dalam pembangunan masyarakat moden hari ini.

Peniaga-peniaga Melayu di kawasan ini ternyata mengalami proses urbanisasi atau perbandaran yang pesat memandangkan Bandar Subang Jaya yang rancak membangun dari segi sosial dan ekonominya. Kemudahan-kemudahan infrastruktur yang disediakan memangkinkan sektor perniagaan. Urbanisasi yang dikaitkan dengan pmodenan banyak mempengaruhi tata pemikiran dan tindak-tanduk peniaga-peniaga Melayu. Urbanisasi atau perbandaran secara tidak langsung akan menukar senario kehidupan dan

peniagaan harian. Melalui proses ini peniaga-peniaga berpeluang menceburi aktiviti moden bersama peniaga-peniaga bangsa lain yang lebih maju.

Perniagaan di kawasan perbandaran memerlukan banyak modal dan persaingan yang sengit namun setelah melakukan penghijrahan dan merantau ke kawasan yang lebih mencabar, peniaga-peniaga Melayu ternyata dapat menggunakan peluang ini sepenuhnya. Di kawasan-kawasan perbandaran, peniaga-peniaga Melayu akan menimba banyak ilmu pengetahuan dan pengalaman daripada perniagaan-perniagaan yang lebih besar dan maju jika dibandingkan dengan perniagaan yang dijalankan di kawasan-kawasan yang terpencil, pekan dan bandar kecil sebelumnya. Persekutaran ini akan mendorong dan menyuntik semangat baru kepada peniaga-peniaga Melayu untuk mencontohi perniagaan tadi dengan caranya yang tersendiri. Persaingan yang wujud di kawasan perbandaran ini amat menggalakkan kerana sebagai sebuah pusat perniagaan utama, sewajarnya membuka peluang-peluang ekonomi yang lebih baik. Dalam menghadapi persaingan, peniaga-peniaga Melayu perlu mengalih paradigma mereka agar setara dengan proses pemodenan dan pembangunan sosio-ekonomi agar tidak ketinggalan. Fahaman-fahaman lama dalam konsep yang diutarakan telah berubah pandangan dunianya di kalangan peniaga-peniaga Melayu kerana menyedari akan kepentingan-kepentingan untuk mengubah nasib.

Urbanisasi telah meletakkan peniaga-peniaga Melayu bersama-sama dengan peniaga-peniaga bangsa asing yang membuka peluang untuk bertukar-tukar pendapat sekali gus belajar dengan mereka jika perlu. Di kawasan-kawasan bandar kecil, perniagaan yang diceburi oleh peniaga-

peniaga Melayu adalah pola berpusat atau tertumpu kepada segolongan sahaja iaitu peniaga Melayu. Cara pengurusan dan pemikiran juga adalah sama dengan erti kata lain, minda tidak terbuka. Interaksi antara peniaga-peniaga yang berlainan bangsa mengilhamkan idea baru yang lebih bernes mungkin tidak terfikir oleh mereka sebelum ini, bak kata perumpamaan Melayu, 'jauh berjalan, luas pandangan'. Oleh sebab itu konsep merantau adalah sebahagian daripada keperluan untuk mengembangkan perniagaan, sebagaimana bangsa Cina terkenal dengan konsep diasporanya.

Kawasan perbandaran seperti di kawasan kajian, banyak menyediakan pelbagai kemudahan seperti infrastruktur yang baik, lebih-lebih lagi kawasan ini adalah pusat perniagaan dan pentadbiran kawasan USJ, penduduk yang padat akan lebih meyakinkan peniaga, pihak penaung dan rakan kongsi yang melabur dalam perniagaan tersebut. Kemudahan-kemudahan ini tidak memungkinkan para peniaga mengalami kesulitan atau rasa tertekan dengan konsep-konsep tradisi yang seolah-olah semua perkara yang berkaitan dengan perniagaan adalah negatif dan sukar untuk diuruskan oleh bangsa Melayu.

Taraf pendidikan dan perbandaran yang dialami, dibincangkan tadi merupakan faktor utama yang menyumbang ke arah anjakan paradigma sekaligus mengubah pandangan dunia peniaga Melayu. Lantaran agama Islam menggalakkan umatnya menjalankan perniagaan, sewajarnya aktiviti perniagaan dijalankan tanpa rasa sangsi sekiranya diuruskan mengikut fahaman Islam. Pengetahuan dan pendidikan agama secara simboliknya membuatkan peniaga-peniaga Melayu rasional pemikirannya dan bertindak

atas kewajaran konsep bukannya mengikut dengan membata tuli tanpa penyelidikan secara intuitif.

### Kesimpulan

Penyelidikan dan kajian tentang sistem ekonomi orang-orang Melayu atau bidang perniagaan yang diceburi mereka dilakukan mengikut kerangka pemikiran Melayu yang sepastinya dinilai dari sudut sosio-budayanya. Dalam kajian perniagaan makanan yang diceburi oleh masyarakat peniaga Melayu di Kawasan perbandaran didapati konsep-konsep Quranik (rezeki, berkat dan riba) dan malu yang diutarakan masih diterima pakai dan menjadi turggak dalam perniagaan mereka. Konsep-konsep tersebut memberi pengaruh dan kesan terhadap hala tuju perniagaan masyarakat peniaga Melayu. Konsep-konsep ini pada dasarnya dikaitkan dengan sistem kepercayaan dan adat budaya Melayu namun sebagai masyarakat Melayu dalam konteks perlombagaan Tanah Melayu, pengkaji tidak terlepas daripada membicarakannya mengikut perundungan agama Islam kerana Islam adalah penentu kepada segala tindak tanduk orang-orang Melayu. Konsep 'rezeki secupak tidak akan jadi segantang' berlaku penolakan terhadap konsep itu kerana didakwa telah menyempitkan laluan rezeki orang-orang Melayu, ia diberi persepsi baru dengan dakwaan rezeki yang sedikit itu akan bertambah setelah adanya usaha dan ikhtiar, bukannya terus menerima konsep itu tanpa memikirkan konotasi di sebalik pepatah itu. Sungguhpun konsep rezeki secupak tidak akan jadi segantang merupakan perumpamaan Melayu yang menjelaskan adat tetapi perlu ditegaskan bahawa adat yang berasal dari perkataan Arab 'al-adat' yang bermaksud apa yang dilakukan oleh

manusia secara berterusan berasaskan hukum akal adalah sesuatu perbuatan atau sikap yang dilakukan secara berulang seterusnya menjadi amalan tetap seseorang individu (Che Zarina Sa'ari, 2002:247). Ini bermakna sesuatu konsep yang berkaitan dengan adat boleh berubah mengikut kesesuaian zaman dan tata pemikiran sesebuah masyarakat.

Konsep rezeki yang dikaitkan dengan nasib berlegar-legar dalam pemikiran peniaga Melayu dengan tafsiran sekiranya bernasib baik akan mendapat rezeki yang banyak atau sebaliknya. Fahaman ini mendorong peniaga-peniaga Melayu untuk mendapatkan nasib yang baik yang berusaha untuk mendapatkannya. Mereka tidak bergantung kepada nasib ataupun qada' dan qadar yang ditentukan kerana Islam menuntut sesuatu kaum berikhтир untuk memperbaiki nasibnya sendiri seperti yang terdapat dalam dalil Al-Quran. Haron Din dalam bukunya **Manusia dan Islam** dapat mengungkapkan persoalan ini, beliau mengatakan bahawa setiap Muslim yang beriman dengan penuh yakin Allah Maha Pencipta Alam Semesta Raya, Maha Pencipta segala rezeki kepada setiap makhluknya. Sudah pasti dia akan beriman dengan penuh yakin bahawa rezekinya telah terjamin dan sudah diperuntukkan untuk keperluan hidupnya. Cuma yang perlu ialah berusaha untuk mencarinya. Inilah sikap seorang Muslim yang berbeza dari sikap orang yang bukan Muslim yang tidak mengakui bahawa rezekinya disediakan. Sikap yang berbeza hasil dari keimanan dan keyakinan yang berbeza ini akan melahirkan kesan dan tindakan yang berbeza dengan nilai yang berbeza (1998:366). Sorotan pandangan daripada seorang ahli ulamak dan akademik ini lebih bertepatan menjelaskan pendirian peniaga-peniaga Melayu di kawasan kajian ini kerana

agama Islam adalah jalan penyelesaian terbaik untuk memutuskan soal-soal kehidupan manusia sejagat. Fahaman agama Islam lebih mempengaruhi peniaga-peniaga Melayu daripada kongkongan adat yang dikira sebagai satu panduan yang kurang diyakini dalam konteks seperti ini. Namun adat itu adalah sebahagian daripada budaya (budi dan daya) yang mengikut pengertian ulamak-ulamak seperti Imam Al-Ghazali, Mustafa Ahmad al-Zarqa' dan Abdul al-Karim Zaydan Islam yang terkenal, budaya merangkumi empat bidang iaitu pemikiran (idea), ȝebendaan (material), kesenian serta nilai dan norma (Che Zarina Sa'ari, 2002:247). Menurut perspektif Islam, masyarakat Melayu berupaya membuat persepsi berdasarkan empat perkara tersebut, dengan erti kata lain, pemikiran seorang peniaga Melayu perlu mengambil kira tentang nilai agama dan norma-norma dalam masyarakat yang dinaunginya. Perubahan yang seiring dengan pengembangan nilai dan norma banyak membantu peniaga-peniaga Melayu mengalami anjakan paradigma sekali gus mengembangkan perniagaan mereka.

Peniaga-peniaga Melayu amat menitikberatkan soal-soal keberkatan. Konsep berkat dalam perniagaan mendahului kepentingannya daripada konsep-konsep lain kerana coretan nasib dan rezeki adalah semata-mata bergantung kepada perbuatan-perbuatan mulia atau amalan-amalan baik dalam pengurusan perniagaan. Seseorang peniaga Melayu telah difahamkan bahawa amalan yang tidak baik, percanggahan dengan nilai-nilai agama dan terlarang akan menyebabkan perniagaan mereka ditimpah musibah seperti kerugian. Sebagaimana yang terdapat dalam Al-Quran yang berbunyi,

"Kami tidak meminta rezeki darimu (bahkan) Kamilah yang memberikan rezeki kepadamu dan (ingatlah) kesudahan yang baik bagi orang-orang yang bertakwa". ( Taha, ayat 132)

Oleh itu larangan-larangan terhadap riba akan dipatuhi dan peniaga-peniaga Melayu dengan sedaya upaya kerana riba (dalam bentuk pinjaman dan penipuan) adalah haram dan rezeki yang diperolehi daripada punca riba adalah haram, jauh sekali untuk mendapatkan keberkatan. Bagi mencapai keberkatan ke atas rezeki yang mereka perolehi daripada hasil perniagaan, peniaga-peniaga telah menginfaqkannya seperti dengan memberi insentif dan bonus atau lain-lain rupa barang sebagai hadiah kepada pekerja-pekerja dan masyarakat sekeliling dalam bentuk makanan. Perbuatan menginfaqkan hasil pendapatan ternyata sekali mempengaruhi pandangan dunia Melayu yang berpaksikan Islam. Kesuburan harta akan dinilai berdasarkan sebanyak mana harta itu diinfaqkan. Dalam pengurusan perniagaan yang berpaksikan keberkatan, peniaga-peniaga Melayu perlu mengadakan hubungan dua hala iaitu hablur-minnanass dan hablur-minnaallah kerana Allah s.w.t. sebagai Maha Pencipta dan manusia selaku pelengkap kepada aktiviti di dunia dapat merealisasikan konsep ini dengan lebih berkesan. Lebih tepat lagi dikatakan peniaga-peniaga Melayu lebih berhati-hati dan memberi perhatian yang mendalam terhadap konsep berkat ini yang lebih bersifat amal makruf nahi mungkar.

Masyarakat peniaga Melayu kini telah mengalami anjakan paradigma yang memberangsangkan dengan perubahan-perubahan pandangan dunia mereka terhadap konsep-konsep yang diutarakan. Anjakan paradigma yang disebabkan oleh beberapa faktor dalam dan luaran adalah

lebih bersifat Islamik, kelihatan seperti perniagaan yang diceburi oleh peniaga-peniaga Melayu yang berjaya (berdasarkan dapatan kajian terhadap peniaga-peniaga Melayu dalam kajian kes) lebih mendekati kepada sistem ekonomi Islam. Daripada awal penyelidikan tentang konsep hingga kedapatannya, peniaga-peniaga Melayu lebih memberi penekanan terhadap aspek-aspek kesejahteraan, keseimbangan dan kebajikan masyarakat yang terkandung dalam nilai-nilai ajaran Islam. Konsep-konsep yang diperturunkan telah diterima dan aplikasi penguasaan terhadap pengertian konsep menjelaskan bahawa pemikiran peniaga-peniaga Melayu tertumpu ke arah sistem perniagaan yang ideal, efektif dan berinovatif setelah berlandaskan dasar-dasar agamanya (Islam). Dalam penyelidikan ini amat ternyata sekali bahawa dalam semua aspek kehidupan termasuk agenda perniagaan, orang-orang Melayu tidak terlepas daripada menjadikan konsep rezeki, berkat, riba dan malu sebagai kayu pengukur dalam aktiviti mereka di dunia ini. Faktor-faktor keagamaan adalah satu angkubah yang mutlak, kukuh pendirianya berbanding dengan faktor-faktor lain kerana Islam itu adalah ad-Din, di mana Islam menekankan keseimbangan dan integrasi antara dunia dan akhirat serta mengawal dasar keseimbangan dan keadilan antara tuntutan dan kehendak fizikal dan mental manusia.

Keperluan-keperluan manusia terhadap kegiatan ekonomi mereka adalah suatu tuntutan masyarakat untuk mengisi ruang-ruang pekerjaan bagi membangunkan ummah. Sungguhpun dalam konteks penyelidikan ini tentang manusia Melayu melalui pendekatan pengajaran sosio-budaya Melayu namun perbincangan kes-kesnya tetap membicarakan tentang kedudukan nilai-nilai

ekonomi dalam Islam. Bertepatan dengan isi kandungan Al-Quran itu sendiri yang mengemukakan 368 ayat ahkam (hukum) terbahagi kepada 140 ayat agama (keperluan rukun-rukun dalam agama) dan 238 ayat yang berkaitan dengan soal-soal kebudayaan (lihat lampiran A). Islam sebagai ad-Din ternyata lebih menitikberatkan kebudayaan daripada perukunan agama (soal-soal ibadat). Ternyata bahawa kebudayaan itu merupakan pantulan agama.

Konsep-konsep rezeki, berkat, riba dan malu masih menjadi tunjang utama dalam aktiviti ekonomi orang-orang Melayu. Kepentingan dan kesan pengaruh daripadanya amat kritis berbanding dengan kajian dan penyelidikan terhadap kemunduran orang-orang Melayu dalam kegiatan ekonomi. Pengutaraan konsep-konsep ini adalah satu dominasi yang menjelaskan pemikiran Melayu yang tidak lekang dari agamanya. Sebagai sebuah masyarakat yang semakin pulih dari bebanan pengaruh sistem ekonomi kolonial tidak seharusnya kajian dan penyelidikan tentang ekonomi orang-orang Melayu hanya berkisar kepada kemunduran sahaja dengan menyalahkan konsep-konsep dan sistem nilai orang-orang Melayu tetapi perlu dilihat bahawa konsep-konsep ini juga mempunyai peranan yang tersendiri dalam menentukan kejayaan seseorang peniaga Melayu. Sifat-sifat rasional yang ada pada setiap konsep itu perlu dilihat secara serius untuk memartabatkan bangsa Melayu dalam kegiatan ekonomi moden.

Sitiqah Hassan  
Universiti Teknologi PETRONAS

Azamuz Zaman, S.J.D.  
Research in Islamic Financial  
Economics, Kulliyyah of Finance